

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [BANGI]

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DR. ONG KIAN MING [BANGI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan status terkini Rang Undang-undang Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan Motor dan apakah proses “*stakeholder consultation*” yang telah dan sedang dijalankan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Rang Undang-Undang (RUU) Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan Motor telah dicadangkan oleh Kerajaan berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 4 September 2002 supaya diperkenalkan Akta Penyelenggaraan dan Membaik Pulih Kenderaan Bermotor dan diletakkan di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

2. Bermula pada 4 September 2002 hingga April 2019, tidak kurang daripada 30 sesi konsultasi telah dilaksanakan oleh Kementerian melibatkan pelbagai pihak berkaitan industri ini. Antaranya adalah:

- i) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI);
- ii) Kementerian Pengangkutan (MOT);
- iii) Unit Perancang Ekonomi (EPU);
- iv) Kementerian Sumber Manusia (MOHR);
- v) Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
- vi) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK);
- vii) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- viii) Malaysia Automotive Robotic and IoT Institute (MARII);
- ix) Jabatan Alam Sekitar (JAS);
- x) Jabatan Standard (DOSM);
- xi) Malaysian Automotive Association (MAA);
- xii) The Federal of Automobile Workshop Owners' Association of Malaysia (FAWOAM);
- xiii) Federation of Engineering and Motor Parts Traders' Associations, Malaysia (FEMPTAM);
- xiv) Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (PEKEMA); dan

xv) Persatuan Pengusaha Industri-Industri Bengkel Malaysia (PPIBM).

3. Setelah meneliti maklum balas serta dapatan yang diperoleh sepanjang sesi libat urus tersebut, Kementerian telah memutuskan bahawa cadangan RUU ini tidak diteruskan. Antaranya isu yang dibangkitkan adalah pertindihan kuasa dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terutama aspek perlesenan yang akan menyukarkan dari segi pelaksanaan dan penguatkuasaan. Nota Jemaah Menteri (NJM) berkenaan perkara ini juga telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Julai 2019 yang bersetuju bahawa RUU ini tidak diteruskan.

4. Walaupun RUU ini tidak diteruskan, Kementerian sedang dalam peringkat akhir membuat pindaan ke atas Peraturan-Peraturan Pelindungan Pengguna (Pendedahan Maklumat Bengkel) 2002. Proses “stakeholder consultation” dalam cadangan pindaan Peraturan ini juga telah dijalankan dengan mengadakan pelbagai sesi libat urus melibatkan pemain industri serta persatuan yang berkaitan. Pihak Kementerian berharap melalui penambahbaikan yang dilaksanakan ini dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan serta profesionalisme di dalam industri ini dan pada yang sama dapat melindungi hak dan kepentingan pengguna.

Sekian, terima kasih.